

# Malaysia buka peluang jalin usaha sama kepada peniaga China

# Lima tawaran perniagaan

EH ms 1 29/05/04

Daripada Mior Kamarul Shahid

BEIJING: Kerajaan menawarkan usahawan China meneroka lima jenis usaha sama perniagaan dengan rakan mereka di Malaysia, sebagai satu bentuk kesinambungan hubungan sejarah dalam era moden.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi

ketika membuka tawaran di Dialog

Perniagaan Malaysia-China di

sini semalam berkata, bidang berkenaan ialah:

- Pembinaan dan perkhidmatan profesional;

- Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta bioteknologi;

- Pusat pendidikan bermutu di Malaysia;
- Perkhidmatan penjagaan kesihatan; dan

- Peraturan francais.

Beliau berkata, wujud potensi masa depan hubungan perdagangan serta kerja-

sama ekonomi dan perniagaan Malaysia-China, sebagai asas untuk mengukuhkan hubungan yang mula tercatat sewaktu zaman kesultanan Melaka dan Dinasti Ming lebih 600 tahun lalu.

Bagi bidang pembinaan dan perkhidmatan profesional, katanya, usaha sama boleh dijalankan bukan saja di Malaysia atau China tetapi juga di negara ketiga.

Banyak syarikat Malaysia berpengalaman dan mempunyai rekod cemerlang dalam

pembinaan jalan raya, lebuhraya, bangunan pencakar langit, loji tenaga, pembetulan dan rawatan air serta pembangunan harta, bukan saja di dalam negara, tetapi juga di Asia Barat, India dan Afrika.

Dalam bidang ICT dan bioteknologi, Koridor Raya Multimedia (MSC) sudah pun memberi status MSC kepada 12 syarikat Malaysia-China menjalankan usaha sama termasuk dari Hong Kong.

LIHAT MUKA 2 ►



PERDANA MENTERI China, Wen Jiabao mempersilakan Abdullah untuk memeriksa Kawalan Kehormat pada majlis rasmi menyambut ketibaan beliau di Dataran Tiannanmen di Beijing, semalam. - Gambar AFP

# Pelbagai khidmat tarik usahawan, peniaga China

29/05/04 BH M.S.A

## ► DARI MUKA 1

Abdullah berkata, Malaysia juga berusaha memajukan bidang bioteknologi dengan menggunakan sumber kepelbagaian bio yang banyak di Malaysia.

Mengenai kedudukan Malaysia sebagai pusat pelajaran berkualiti, Perdana Menteri berkata, kemudahan pelajaran tinggi sebagaimana program berkembar sudah dilaksanakan antara universiti di Malaysia dan United Kingdom, Australia, Perancis, New Zealand dan Amerika Syarikat.

"Kos pelajaran berpatutan manakala suasana pembelajaran mesra pelajar. Tambahan pula bilangan pelajar China di Malaysia menunjukkan peningkatan daripada 4,691 pe-

lajar pada 2001 kepada 10,577 pelajar pada 2003," katanya.

Bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan, beliau berkata, Malaysia menawarkan perkhidmatan pakar yang luas, lengkap dengan kemudahan dan peralatan canggih.

Peniaga dan pelancong China boleh mengambil kesempatan mendapatkan pelbagai rawatan kesihatan.

Pada 2003, lebih 350,000 pelancong China ke Malaysia. Malah, usahawan China juga boleh melabur dalam industri berasaskan pelancongan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, bagi peraturan francais, syarikat Malaysia sedia berkongsi pengetahuan pengurusan dan kepakaran untuk menjalankan usaha sama seperti Marry Brown Fried Chicken, Sugar

Bun, Dave's Deli dan England Optical yang sudah menjalankan operasi francais di China.

Katanya, Malaysia amat sesuai untuk perniagaan, terutama apabila petanda ekonomi nasional menjangkakan kadar inflasi rendah, lebihan akaun semasa yang kukuh, kedudukan kewangan stabil serta kadar pertukaran asing dan sektor perbankan yang kukuh.

"Kejayaan kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum baru-baru ini memberi jaminan suasana politik yang stabil dan selamat sebagai destinasi pelaburan.

"Ekonomi Malaysia juga meningkat semula dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 5.2 peratus pada 2003, setelah menghadapi kemelesetan pada 2001.

"Tahun ini, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 5.5 dan 6 peratus," katanya.

Beliau menjelaskan, Institut Kemanusiaan Pengurusan meletakkan Malaysia negara ke-16 dari segi daya saing daripada 60 negara yang dikaji.

Di kalangan negara yang berpenduduk lebih 20 juta, Malaysia diletakkan di tangga kelima, selain turut di tangga kelima sebagai negara berdaya saing di rantau Asia Pasifik.

Perdana Menteri berkata, kerajaan serius untuk memperbaiki sistem penyampaian sebagai usaha menyediakan suasana perniagaan yang baik.

Sektor swasta diberi kebebasan untuk menyediakan sumber baru dalam pertumbuhan ekonomi manakala kerajaan membantu dengan

mengambil langkah wajar untuk mengurangkan kos bagi menjalankan perniagaan di Malaysia sama ada secara terus atau tidak terus.

Abdullah juga berkata, dalam konteks pasaran Asean, produk yang dikilangkan di Malaysia dan memenuhi peraturan kandungan Asean menikmati akses taraf istimewa di negara selain anggota Asean.

Kini, pasaran Malaysia 24.7 peratus daripada perdagangan antara Asean dengan nilai AS\$160.1 bilion (RM618.18 bilion) pada 2003.

Beliau berkata, usaha dijalankan untuk mewujudkan kawasan perdagangan bebas antara Asean dan China menjelang 2010, bukan saja meningkatkan perdagangan antara dua rantau itu tetapi juga menggerakkan peluang pelaburan.